


# ***Minggu Angkasa Sedunia Kit Pengajaran Guru Heinlein***

Aktiviti Sains dan Gaya Bahasa Berdasarkan  
Have Space Suit – Will Travel oleh Robert A. Heinlein

Untuk digunakan oleh pelajar 10 – 14 tahun semasa  
Minggu Angkasa Sedunia, 4-10 Oktober



World Space Week



Heinlein Prize Trust



Heinlein Prize Trust  
[www.heinleinprize.com](http://www.heinleinprize.com)

Kit Pengajaran Guru Heinlein Minggu Angkasa Sedunia  
*diterbitkan oleh*  
**Persatuan Minggu Angkasa Sedunia**  
957 NASA Parkway, Suite 350, Houston, TX 77059, AS  
Telefon: +1 866.440.7137 Faks: +1 713.481.8846  
E-mel: [admin@worldspaceweek.org](mailto:admin@worldspaceweek.org)  
Laman Web: [www.worldspaceweek.org](http://www.worldspaceweek.org)

*Hak cipta © 2005-2011 Persatuan Minggu Angkasa Sedunia. Kebenaran dengan ini diberikan untuk pengeluaran semula tanpa had bagi kegunaan guru. Panduan ini boleh dimuat turun secara percuma dari [www.worldspaceweek.org/heinlein](http://www.worldspaceweek.org/heinlein)*

# KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>BORANG MAKLUM BALAS GURU</b> .....	<b>iv</b>
<b>RINGKASAN PELAJARAN</b> .....	<b>vi</b>
<b>AKTIVITI SAINS</b> .....	<b>1</b>
1. REKA BENTUK SUT ANGKASA LEPAS: LITAR ELEKTRIK.....	1
2. SISTEM BUMI/ BULAN .....	5
3. MELEPASKAN DIRI DI BULAN .....	7
4. MANUSIA DI BULAN .....	9
5. REKA BENTUK SUT ANGKASA LEPAS: KEPELBAGAIAN SISTEM SURIA .....	11
6. MEMBUAT PEMERHATIAN .....	12
<b>AKTIVITI GAYA BAHASA</b> .....	<b>14</b>
1. IMEJAN .....	14
2. PENULISAN DESKRIPTIF: ULANG KAJI PELAJARAN .....	18
3. NADA/ SUASANA .....	21
4. PENGEMBARAAN SEORANG WIRA: PERBINCANGAN .....	24
5. KONFLIK .....	26
6. BANDING DAN BEZA .....	28
<b>PETIKAN</b> .....	<b>29</b>
PELAJARAN SAINS 1 .....	29
PELAJARAN SAINS 2 .....	30
PELAJARAN SAINS 3 .....	31
PELAJARAN SAINS 4 .....	32
PELAJARAN SAINS 5 .....	34
PELAJARAN SAINS 6 DAN PELAJARAN GAYA BAHASA 1,2,3,6 .....	35

## PENGHARGAAN



*Minggu Angkasa Sedunia – Kit Pengajaran Guru Heinlein* dibentuk untuk Persatuan Minggu Angkasa Sedunia oleh Inisiatif Pendidikan Angkasa dan penyedia sukatan kurikulum utama yang lain. Dana untuk projek ini disediakan oleh Heinlein Prize Trust. Aktiviti dalam buku ini adalah berdasarkan buku *Have Spacesuit - Will Travel* oleh Robert A. Heinlein.

Minggu Angkasa Sedunia diisytiharkan pada 4-10 Oktober setiap tahun oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebagai acara tahunan awam angkasa yang terbesar di Bumi ini, Minggu Angkasa Sedunia disambut di 50 buah negara. Inilah waktu yang paling sesuai untuk guru menggunakan keseronokan menjelajah dunia angkasa bagi menggalakkan pelajar untuk belajar.

Robert A. dan Virginia Heinlein Prize Trust menawarkan Anugerah Heinlein sebagai memperingati Robert A. Heinlein, iaitu penulis Amerika yang terkenal. Robert dan isterinya Virginia menyokong kuat langkah ke hadapan yang diambil manusia dalam dunia angkasa melalui usaha secara komersil. Anugerah Heinlein bertujuan untuk menggalakkan dan mengganjari aktiviti angkasa secara komersil yang memenuhi impian masa depan manusia di angkasa lepas. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.heinleinprize.com](http://www.heinleinprize.com).

Persatuan Minggu Angkasa Sedunia, organisasi yang tidak mencari untung, menyokong Bangsa-Bangsa Bersatu dalam penyelarasan global Minggu Angkasa Sedunia. Diasaskan pada tahun 1981, organisasi ini membantu PBB memperluas Minggu Angkasa Sedunia dan keperluan peserta. Organisasi ini tidak menyokong mana-mana program angkasa atau dasar, tetapi menggalakkan penyertaan dari seluruh dunia dalam Minggu Angkasa Sedunia. Ia dipimpin oleh Pengarah dan Pegawai sukarelawan dari seluruh dunia dan disokong oleh pihak yang menyumbang secara sukarela. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.worldspaceweek.org](http://www.worldspaceweek.org).

Pembangunan Program

Eric Brunsell  
Inisiatif Pendidikan Angkasa  
[www.spaceed.org](http://www.spaceed.org)

Jason Marcks  
Inisiatif Pendidikan Angkasa  
[www.spaceed.org](http://www.spaceed.org)

Dennis Stone  
Minggu Angkasa Sedunia  
[www.worldspaceweek.org](http://www.worldspaceweek.org)

Reka Bentuk Aktiviti

Eric Brunsell  
Inisiatif Pendidikan Angkasa  
Green Bay, WI

Jason Marcks  
Inisiatif Pendidikan Angkasa  
Green Bay, WI

Judy Goen  
Independent School District Clear Creek  
Clear Lake, TX

Sally Wall  
Independent School District Clear Creek  
Clear Lake, TX

Guru Ujian Rintis

Cindy Byers  
Rosholt MS  
Rosholt, WI

Fred Goerisch  
Hyde Park  
MS Las Vegas, NV

Susan Herder  
Highview M  
New Brighton MN

Angela Krause  
Menomonie HS  
Menomonie, WI

Mark Mueller  
River Bluff MS  
Stoughton, WI

Jill Parsons  
Jefferson MS  
Pella, IA

Nancy Smith  
Waterford Union HS  
Waterford, WI



## BORANG MAKLUM BALAS GURU

Sila nyatakan apa yang anda lakukan semasa Minggu Angkasa Sedunia dan berikan maklum balas anda selewat-lewatnya pada 1 November. Anda boleh melengkapkan borang ini secara dalam talian di [www.worldspaceweek.org/feedback.html](http://www.worldspaceweek.org/feedback.html) atau hantar borang ini melalui e-mel/ faks kepada WSWA, 957 NASA Parkway, Suite 350, Houston, TX 770058, AS; No. faks +1713.481.8846. Anda juga boleh menghantar komen anda melalui e-mel ke [admin@worldspaceweek.org](mailto:admin@worldspaceweek.org). Terima kasih.

## 1. Maklumat Guru

1. Nama Anda:	2. Sekolah:
3. Gred:                      Subjek:	4. Alamat:
5. Telefon:	6. Bandar:
7. Faks:	8. Negeri atau Wilayah:
9. E-mel:	10. Kod Zip/Poskod:                      Negara:

## 2. Sila nilai aktiviti yang anda gunakan. Sila nyatakan anggaran jumlah waktu kelas untuk setiap aktiviti dan penilaian anda tentang kualiti pembelajaran.

Aktiviti	Masa yang Diperuntukkan	Kualiti (1 = Lemah, 5 = Cemerlang)
Reka Bentuk Sut Angkasa Lepas: Litar Elektrik		1   2   3   4   5
Sistem Bumi/Bulan		1   2   3   4   5
Melepaskan Diri di Bulan		1   2   3   4   5
Manusia di Bulan		1   2   3   4   5
Reka Bentuk Sut Angkasa Lepas: Kepelbagaian Sistem Suria		1   2   3   4   5
Membuat Pemerhatian		1   2   3   4   5
Imejan		1   2   3   4   5
Penulisan Deskriptif: Ulang Kaji Pelajaran		1   2   3   4   5
Nada/ Suasana		1   2   3   4   5
Pengembaraan Seorang Wira: Perbincangan		1   2   3   4   5
Konflik		1   2   3   4   5
Banding dan Beza		1   2   3   4   5

## 3. Berapakah jumlah pelajar yang menyertainya?

4. Adakah anda menggunakan aktiviti tersebut semasa Minggu Angkasa Sedunia? Jika tidak, bila?

5. Adakah anda menggunakan apa-apa aktiviti selain aktiviti dalam Kit Pengajaran Guru Heinlein semasa Minggu Angkasa Sedunia? Jika ya, jelaskan secara ringkas:

6. Sila nyatakan apa-apa maklum balas tambahan yang ingin anda kongsi bersama mengenai Kit Pengajaran Guru Heinlein.

7. Bagaimanakah dapat kami tingkatkan kualiti bahan ini?

## RINGKASAN PELAJARAN

**Aktiviti Sains****Reka Bentuk Sut Angkasa Lepas: Litar Elektrik**

Pelajar diperkenalkan dengan litar siri dan litar selari dalam aktiviti berasaskan masalah.

**Sistem Bumi/Bulan**

Pelajar membina model skala yang mudah bagi Bumi, Bulan dan objek Sistem Suria lain dengan saiz dan jarak yang tepat.

**Melepaskan Diri di Bulan!**

Pelajar diperkenalkan dengan konsep graviti dan rancangan melepaskan diri daripada *Wormface*.

**Manusia di Bulan**

Pelajar menyiasat program Apollo NASA.

**Reka Bentuk Sut Angkasa Lepas: Kepelbagaian Sistem Suria**

Pelajar mereka bentuk sut angkasa lepas untuk terus hidup di pelbagai objek Sistem Suria.

**Membuat Pemerhatian**

Pelajar meneroka cara menggunakan pelbagai deria semasa membuat pemerhatian.

**Aktiviti Gaya Bahasa****Imejan**

Pelajar menggunakan petikan teks untuk mengenal pasti penggunaan imejan oleh penulis.

**Penulisan Deskriptif: Ulang Kaji Pelajaran**

Pelajar mencipta raksasa dan menghuraikannya secara bertulis. Pelajar saling bertukar huraian dan cuba melukis raksasa tersebut. Kemudian, pelajar menyemak semula huraian asal mereka.

**Nada/Suasana**

Pelajar menggunakan petikan teks untuk meneroka konsep nada dan suasana. Kemudian, pelajar menulis sebuah petikan untuk menunjukkan nada atau suasana tertentu.

**Pengembaraan Seorang Wira: Perbincangan**

Pelajar mengimbas kembali keseluruhan novel untuk menentukan sama ada watak utama, Kip, sesuai atau tidak sebagai watak wira klasik.

**Konflik**

Pelajar meneroka konsep konflik sastera.

**Banding dan Beza**

Pelajar membandingkan dan membezakan dua makhluk asing dengan menggunakan petikan teks

## Pelajaran Sains 1: Reka Bentuk Sut Angkasa Lepas: Litar Elektrik

**PETIKAN NOVEL:** Halaman 27 (Suited up...) hingga halaman 29 (...automatic changer always worked.)

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG:** Dalam petikan ini, Kip Russell membaiki pulih litar elektronik bagi sut angkasa lepas yang terpakai. Sistem litar sut angkasa lepas perlu mempunyai gantian atau lebih supaya sut dapat sentiasa melindungi angkasawan walaupun sistem utama gagal berfungsi. Dalam pelajaran ini, pelajar akan menggunakan litar selari dan litar siri untuk membina litar lebihan. Pengetahuan mengenai litar elektrik tidak diperlukan.

**TEMPOH PELAJARAN:** 50 minit

**PENGHARGAAN:** Aktiviti ini berdasarkan aktiviti, Keselamatan Kapal Angkasa: Sistem Lebihan oleh Inisiatif Pendidikan Angkasa.

### OBJEKTIF:

Pelajar mampu

- Membina litar untuk menyalakan mentol
- Mengenal pasti dan memberikan huraian tentang litar siri
- Mengenal pasti dan memberikan huraian tentang litar selari
- Menggunakan simbol untuk membuat gambar rajah litar

### BAHAN:

Setiap kumpulan pelajar memerlukan:

- Pemegang bateri dan bateri
- Soket
- Mentol
- Wayar (sekurang-kurangnya 10)
- Suis (sekurang-kurangnya 4)

### PROSEDUR:

1. **PENGENALAN:** Perkenalkan petikan buku dengan menerangkan tentang buku tersebut yang ditulis pada tahun 1950 dan menceritakan keadaan pada masa akan datang. Manusia telah menjajah Bulan dan penerbangan di angkasa menjadi perkara biasa, tetapi memerlukan kos yang tinggi. Kip Russel, pelajar sekolah tinggi, bersungguh-sungguh mahu pergi ke Bulan dan telah memenangi sut angkasa lepas. Petikan ini menerangkan usahanya untuk membaiki dan menguji sut angkasa lepas terpakainya. Selepas pelajar membaca petikan ini, bincangkan tentang apa itu sistem “pasti selamat” mengikut pandangan pelajar dan mengapa ia penting semasa pengembaraan di angkasa lepas. Terangkan bahawa pelajar akan mencipta litar pasti selamat untuk pelbagai tujuan.
2. **LITAR RINGKAS:** Bahagikan kelas kepada 2-3 pelajar bagi setiap kumpulan dan sediakan bahan untuk mereka. Pelajar akan membina litar ringkas yang terdiri daripada mentol, bateri dan suis. Mereka juga akan melukis gambar rajah. Minta setiap kumpulan berkongsi gambar rajah mereka dengan kelas. Pada ketika ini, jangan mengharap mereka melukis gambar rajah litar yang formal. Ia akan diajar dalam langkah berikutnya. Terangkan kepada pelajar bahawa litar itu tidak “pasti selamat”. Jika suis gagal berfungsi pada kedudukan “buka”, anda tidak boleh menghidupkan mentol. Jika suis gagal berfungsi pada kedudukan “tutup”, anda tidak boleh memadamkan mentol.
3. **LITAR SIRI:** Dalam langkah ini, pelajar akan membuat litar pasti selamat yang membolehkan mereka menghidupkan dan memadamkan mentol jika salah satu suis gagal berfungsi pada kedudukan tutup. Pelajar perlu melukis litar mereka. Anda boleh menguji litar mereka dengan memberitahu mereka suis yang gagal berfungsi dan kemudian menentukan jika mereka masih boleh mengendalikan mentol tersebut.
4. **LITAR SELARI:** Dalam langkah ini, pelajar akan membina litar pasti selamat yang membolehkan mereka menghidupkan dan memadamkan mentol jika salah satu suis gagal berfungsi pada kedudukan buka. Pelajar hendaklah melukis litar mereka. Anda boleh menguji litar mereka dengan



menyatakan suis mana yang gagal berfungsi dan kemudian menentukan jika mereka masih boleh mengendalikan mentol.

5. BERKONGSI LITAR: Kumpulan pelajar perlu berkongsi gambar rajah litar mereka. Apakah ciri yang menunjukkan litar itu serupa? Atau berbeza? Pelajar harus melihat perlu ada konsistensi dalam cara mereka melukis litar. Tunjukkan kepada mereka cara melukis gambar rajah litar dan minta mereka lukis semula litar mereka dari langkah 3 dan 4. Bincangkan dengan pelajar bagaimana arus elektrik mengalir melalui litar. Arus elektrik biasanya ditunjukkan sebagai mengalir dari + ke -. Ini disebut aliran lazim dan digunakan oleh kebanyakan juruelektik dan jurutera. Ia TIDAK sama seperti arah aliran pembawa cas (elektron), iaitu dari - ke +.
6. LITAR KOMPLEKS: Dalam langkah ini, pelajar akan membina litar pasti selamat yang membolehkan mereka menghidupkan dan memadamkan mentol jika salah satu suis gagal berfungsi pada kedudukan buka atau tutup. Pelajar hendaklah melukis litar mereka. Uji litar mereka dengan memilih suis untuk gagal (dibuka dan ditutup) dan kemudian menentukan jika mereka masih boleh mengendalikan mentol.

#### AKTIVITI SUSULAN:

Aktiviti ini boleh disusuli dengan aktiviti tentang arus, voltan dan rintangan.




#### PEMANTAPAN/ LANJUTAN:


Petikan yang digunakan untuk aktiviti ini boleh digunakan untuk aktiviti tambahan termasuk:

1. Membina radio ringkas daripada kit.
2. Aktiviti, Menerima Isyarat Radio, daripada Misi Cassini NASA.


#### JAWAPAN YANG MUNGKIN:

Langkah 5 Simbol Gambar Rajah Litar


		
Bateri	Suis (buka)	Mentol



Langkah 4 Gambar Rajah Litar



Langkah 6 Gambar Rajah Litar



## REKA BENTUK SUT ANGKASA LEPAS: BAHAN EDARAN UNTUK PELAJAR

Dalam aktiviti ini, anda akan mereka bentuk sistem kawalan untuk menghidupkan dan mematikan mentol. Walaupun ia tidak serumit litar pada sut angkasa lepas, konsep sainsnya tetap sama.

Langkah Pertama: Litar Asas

Tugas pertama anda adalah membina litar dengan menggunakan wayar, bateri, soket dan mentol supaya anda boleh menghidupkan dan memadamkan mentol. Buat lakaran litar anda.

Litar ialah gelung tertutup konduktor (biasanya wayar) yang membolehkan arus elektrik mengalir melaluinya. Pada lakaran anda, gunakan anak panah untuk menunjukkan aliran arus pada litar mengikut pendapat anda.

Langkah Kedua: Kerosakan Tunggal pada Kedudukan Tutup

Dalam langkah ini kami akan tambahkan sesuatu pada litar anda. Bayangkan satu-satunya suis pada litar anda gagal berfungsi dan ia tersekat pada kedudukan tutup ("on"). Bolehkah anda memadamkan mentol anda? Jika ia sangat penting untuk anda memadamkan mentol, anda perlu menambahkan lebihan pada litar bagi menjadikannya "pasti selamat". Tambahkan suis pada litar anda supaya anda masih boleh menghidupkan dan mematikan mentol walaupun salah satu suis daripada dua suis tersekat pada kedudukan tutup. Ini ialah sistem lebihan kerosakan tunggal pada kedudukan tutup. Buat lakaran litar tersebut. Masukkan anak panah untuk menunjukkan aliran arus pada litar mengikut pendapat anda.

Langkah Ketiga: Kerosakan Tunggal pada Kedudukan Buka

Bina semula litar yang telah anda bina sebelum ini dalam langkah pertama. Sekarang, bayangkan satu-satunya suis pada litar anda gagal berfungsi dan ia tersekat pada kedudukan buka ("off"). Bolehkah anda menghidupkan mentol? Jika ia sangat penting untuk anda memadamkan mentol, anda perlu menambahkan lebihan pada litar. Tambahkan suis pada litar supaya anda masih boleh menghidupkan dan memadamkan mentol walaupun salah satu suis daripada dua suis tersekat pada kedudukan buka. Ini ialah sistem lebihan kerosakan tunggal pada kedudukan buka. Buat lakaran litar tersebut. Masukkan anak panah untuk menunjukkan aliran arus pada litar mengikut pendapat anda.

Langkah Keempat: Gambar Rajah Litar

Bandingkan lukisan anda untuk setiap litar dengan lukisan rakan sekelas anda. Adakah semuanya sama? Oleh sebab setiap gambar rajah menggunakan simbol yang berbeza untuk mewakili setiap objek dalam litar, mungkin sukar untuk menyatakan apa yang sedang berlaku. Bagi membolehkan para jurutera memahami gambar rajah jurutera lain, mereka menggunakan set simbol yang sama apabila membuat gambar rajah mereka. Guru anda akan menunjukkan contoh simbol yang perlu anda gunakan untuk membuat gambar rajah litar. Lakarkan gambar rajah litar yang betul bagi setiap litar kembar anda. Masukkan anak panah (seperti yang diterangkan oleh guru anda) dalam gambar rajah itu untuk menunjukkan aliran arus elektrik.

Langkah Lima: Kerosakan Tunggal pada Kedudukan Buka/ Tutup

Andaikan hidup anda bergantung pada kemampuan untuk menghidupkan DAN memadamkan mentol ini. Bina sistem lebihan untuk kedudukan "on" dan "off". Ini bermaksud jika mana-mana suis gagal dibuka atau ditutup, anda masih boleh menghidupkan dan memadamkan mentol. Bina litar dan minta guru mengujinya. Kemudian, buat lakaran gambar rajah litar. Masukkan anak panah dalam gambar rajah itu untuk menunjukkan aliran arus elektrik.

## Pelajaran Sains 2: Sistem Bumi/ Bulan

**PETIKAN NOVEL:** Halaman 41 (perenggan bermula dengan Peewee berkata, "But right now I think we better hang on...") hingga halaman 42, kira-kira 1/2 ke bawah... (Kip berkata, "...And why were you stealing a ship?")

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG:** Dalam petikan ini, Kip dan Peewee diculik dan dibawa ke Bulan. Kapal angkasa akan melakukan pergerakan "putar-membalik". Kapal angkasa dalam buku ini bergerak pada pecutan tetap (1g ialah pecutan yang disebabkan graviti di permukaan Bumi atau 9.8 m/s/s) untuk separuh perjalanan. Kemudian, untuk tempoh yang amat singkat, kapal angkasa mengurangkan pecutannya dan bergerak perlahan pada pecutan tetap untuk perjalanan selebihnya. Dalam pelajaran ini, pelajar akan membina model skala sistem Bumi/ Bulan. Pelajar juga boleh membuat pengiraan halaju purata dan menjalankan penyelidikan tambahan.

**TEMPOH PELAJARAN:** 20 minit (50+ minit dengan kajian pelajar)

**PENGHARGAAN:** Aktiviti ini berdasarkan aktiviti Model Skala Sistem Suria oleh Inisiatif Pendidikan Angkasa.

### OBJEKTIF:

Pelajar mampu

- Menerangkan perbezaan saiz Bumi dan Bulan
- Menggambarkan jarak di antara Bumi dan Bulan

### BAHAN:

Setiap pasangan pelajar memerlukan

- 50 kaki tali
- 2 belon biru
- 1 bola ping pong (atau golf)

### PROSEDUR:

1. **PENGENALAN:** Perkenalkan petikan buku dengan menerangkan tentang buku tersebut yang ditulis pada tahun 1950 dan menceritakan keadaan pada masa akan datang. Manusia telah menjajah Bulan dan penerbangan di angkasa menjadi perkara biasa, tetapi memerlukan kos yang tinggi. Kip Russel, pelajar sekolah tinggi, bersungguh-sungguh mahu pergi ke Bulan dan telah memenangi sut angkasa lepas. Ketika sedang memperbaiki sut angkasa lepas terpakainya, dia ditangkap oleh makhluk asing "lanun angkasa" dan dibawa pergi, bersama-sama seorang manusia lain bernama Peewee, ke tempat persembunyian makhluk asing itu di Bulan. Pelajar perlu membaca petikan tersebut.
2. **RAMALAN:** Sediakan bahan untuk setiap pasangan pelajar. Arahkan pelajar membina model skala, berdasarkan agakan, untuk sistem Bumi/ Bulan. Pelajar perlu menggunakan bola ping pong sebagai Bulan, meniup belon sehingga sebesar saiz yang mereka fikirkan sesuai bagi Bumi dan meletakkannya pada jarak yang mereka fikirkan sesuai.
3. **MODEL SKALA:** Terangkan kepada pelajar bahawa lilitan Bumi ialah 4 kali ganda lilitan Bulan. Pelajar perlu menggunakan tali untuk mengukurnya dan kemudian meniup belon kedua kepada saiz yang betul. Jarak Bulan adalah lebih kurang 10 "lilitan Bumi" dari Bumi. Pelajar boleh mengukurnya dengan mengikat tali mengelilingi Bumi yang diperbuat daripada belon itu sebanyak 10 kali. Pelajar perlu meletakkan Bumi dan Bulan pada jarak yang sesuai.
4. **PERBINCANGAN:** Tanya pelajar di mana letaknya Stesen Angkasa Antarabangsa (hanya 240 batu dari permukaan, lebih kurang setebal hujung jari anda). Perkenalkan misi Apollo dan terangkan bahawa angkasawan mengambil masa 3-4 hari untuk perjalanan ke Bulan. Manusia tidak ke Bulan lagi sejak Disember 1972. Dalam petikan buku tersebut, kapal angkasa boleh sampai ke Bulan dalam masa 3 jam. Gunakan model pelajar untuk menunjukkan bagaimana gerakan "putar-

membalik" berlaku. Pada masa ini, ia tidak mungkin berlaku pada kapal angkasa manusia.

#### AKTIVITI SUSULAN:

Aktiviti ini boleh disusuli dengan aktiviti berikut:

1. PENGIRAAN: Minta pelajar buat kajian tentang tempoh masa yang diambil oleh misi khusus Apollo untuk sampai ke Bulan. Minta pelajar mengira halaju purata kapal angkasa Apollo. Minta pelajar mengira halaju purata kapal angkasa di dalam buku (Halaju= jarak/ masa).
2. KAJIAN: Minta pelajar buat kajian tentang misi Pendaratan Apollo di Bulan. Kumpulan pelajar boleh mereka poster untuk setiap misi pendaratan.

#### PEMANTAPAN/ LANJUTAN:

Aktiviti ini boleh dilanjutkan dengan meminta pelajar menentukan saiz dan jarak Matahari dan planet berdasarkan skala yang digunakan dalam aktiviti ini.

#### JAWAPAN YANG MUNGKIN:

Saiz/ jarak untuk objek yang dipilih:

Objek	Lilitan (batu)	Lilitan (dibandingkan dengan Bumi)	Jarak Purata ke Bumi (batu)	Jarak Purata ke Bumi (dibandingkan dengan lilitan Bumi)
Bumi	25,000	1	0	0
Bulan	6,800	~1/4	240,000	~10
Marikh	13,240	~1/2	48 juta	~2000
Jupiter	279,000	~11	390 Juta	~15,500
Matahari	2,700,000	~108	93 Juta	~3,700
Pluto	4500	~5/28	3570 Juta	~140,000
Proxima Centauri	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	25 Trilion	~1,000,000,000

## Pelajaran Sains 3: Melepaskan Diri di Bulan!

**PETIKAN NOVEL:** Petikan 1: Halaman 52 (semua) hingga halaman 54 (...That's what I'll do.)

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG:** Dalam petikan ini, Kip dan Peewee telah mendarat di Bulan. Petikan menerangkan pengalaman awal Kip ketika berada di medan graviti rendah di permukaan Bulan. Dalam aktiviti ini, pelajar akan merancang untuk melepaskan diri, melihat video angkasawan di Bulan dan mempelajari tentang graviti bulan.

**TEMPOH PELAJARAN:** 50 minit

**OBJEKTIF:**

Pelajar mampu

- Menerangkan bahawa Bulan tidak mempunyai graviti kerana ia mempunyai jisim
- Menerangkan bagaimana graviti yang rendah di Bulan boleh menjejaskan aktiviti manusia

**BAHAN:**

Setiap pelajar memerlukan:

- Pita ukur atau pembaris
- Komputer dengan akses Internet, atau komputer dengan peranti tayangan

**PROSEDUR:**

1. **PENGENALAN:** Perkenalkan petikan buku dengan menerangkan tentang buku tersebut yang ditulis pada tahun 1950 dan menceritakan keadaan pada masa akan datang. Manusia telah menjajah Bulan dan penerbangan di angkasa menjadi perkara biasa, tetapi memerlukan kos yang tinggi. Kip Russel, pelajar sekolah tinggi, telah diculik oleh "Lanun Angkasa" dan dia bertemu Peewee dan Mother Thing, rakan tawanan Wormface. Dalam petikan ini, tawanan baru sahaja mendarat di Bulan. Sebelum meminta pelajar membaca petikan pertama, minta mereka menjawab soalan ini, "Adakah terdapat graviti di Bulan?" Mengapa atau mengapa tidak?
2. **GRAVITI YANG RENDAH:** Pelajar hendaklah melihat klip video dan menjelaskan mengapa ia menunjukkan bahawa terdapat graviti di Bulan. Pelajar perlu menyelesaikan aktiviti Lompat Jauh di Bulan dan menjawab soalan dalam bahan edaran untuk pelajar. **NOTA:** Memandangkan graviti Bulan ialah 1/6 daripada graviti Bumi, anda boleh melompat 6 kali lebih jauh. Video boleh didapati di: <http://www.worldspaceweek.org/heinlein.html>
3. **MELEPASKAN DIRI:** Terangkan kepada pelajar bahawa sebaik selepas mereka membaca petikan, Kip dan Peewee mampu melepaskan diri dari kapal angkasa Wormface dan memulakan pengembaraan yang penuh cabaran ke arah perkampungan di Bulan, iaitu Stesen Tombaugh. Pelajar perlu menyelesaikan aktiviti "Pendaratan Kecemasan". Selepas kelas berkongsi senarai peralatan mereka yang terpenting untuk menyelamatkan diri, minta pelajar menulis cerita sepanjang satu halaman mengenai Kip dan Peewee melepaskan diri. Mereka hendaklah bercerita tentang peralatan yang mereka pilih dan pengetahuan mengenai graviti Bulan yang rendah. Aktiviti Pendaratan Kecemasan boleh didapati di: <http://www.astrosociety.org/education/family/materials/crashlanding.pdf>

**AKTIVITI SUSULAN:**

Pelajar boleh mengira berat mereka di planet lain di:

<http://www.exploratorium.edu/ronh/weight/index.html>

## MELEPASKAN DIRI DI BULAN!: BAHAN EDARAN UNTUK PELAJAR

1. Tonton dua video tentang angkasawan ketika berada di permukaan Bulan. Video ini boleh didapati di: <http://www.worldspaceweek.org/heinlein.html>.

Jika tiada graviti di Bulan, apakah perbezaan yang mungkin terdapat dalam video ini?

**Apakah Yang Berlaku?**

Graviti ialah daya yang bertindak di antara mana-mana dua objek yang mempunyai jisim. Daya graviti bertindak untuk menarik objek bersama. Contohnya, daya graviti di antara anda dan Bumi menarik anda semula ke permukaan Bumi apabila anda cuba melompat. Daya graviti di antara Bulan dan angkasawan menghalang mereka daripada terlepas ke angkasa apabila mereka melompat.

Bagaimanapun, jika anda di Bulan, daya graviti yang bertindak ke atas anda adalah kurang berbanding ketika anda di Bumi kerana Bulan mempunyai jisim yang kurang. Malah, daya graviti di Bulan ialah  $\frac{1}{6}$  daripada daya graviti di Bumi. Ini bermakna anda boleh melompat atau melontar bola 6 kali lebih jauh di Bulan berbanding di Bumi!

2. Bekerja secara berpasangan untuk menentukan sejauh mana anda boleh melompat dari posisi berdiri di Bumi. Sejauh manakah anda boleh melompat di Bulan?
  
3. Apakah aktiviti fizikal dan sukan kegemaran anda? Terangkan bagaimana aktiviti ini mungkin berbeza di Bulan berbanding di Bumi.

NOTA: Orang sering terkeliru antara istilah jisim dengan berat. Jisim ialah jumlah benda yang membentuk anda. Berat ialah ukuran daya graviti yang bertindak ke atas anda. Maka, jika berat anda 90 paun di Bumi, berat anda di Bulan hanyalah 15 paun. Daya graviti di Marikh hanya  $\frac{1}{3}$  daripada di Bumi, maka seorang yang beratnya 90 paun hanya mempunyai berat 30 paun di Marikh. Tetapi, sama ada anda di Bulan, Marikh atau Bumi, jisim anda tetap sama.

## Pelajaran Sains 4: Manusia di Bulan!

**PETIKAN NOVEL:** Halaman 89 (I had wondered) hingga halaman 91 (...battery.)

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG:** Dalam petikan ini, Kip, Peewee dan Mother Thing telah melepaskan diri dari kapal Wormface dan berjalan ke arah Stesen Tombaugh, iaitu perkampungan di bulan. Dalam aktiviti ini, pelajar akan mengkaji tentang program Apollo.

**TEMPOH PELAJARAN:** Dua sesi – 50 minit setiap sesi

**OBJEKTIF:**

Pelajar mampu

- Menerangkan misi pendaratan Apollo di Bulan.

**BAHAN:**

Tiada bahan tertentu yang diperlukan untuk aktiviti ini. Akses internet diperlukan untuk bahagian penyelidikan aktiviti ini.

**PROSEDUR:**

1. **PENGENALAN:** Perkenalkan petikan buku dengan menerangkan tentang buku tersebut yang ditulis pada tahun 1950 dan menceritakan keadaan pada masa akan datang. Manusia telah menjajah Bulan dan penerbangan di angkasa menjadi perkara biasa, tetapi memerlukan kos yang tinggi. Kip Russel, pelajar sekolah tinggi, telah diculik oleh "Lanun Angkasa" dan dibawa ke pangkalan mereka di Bulan. Dalam petikan ini, Kip dan rakan tawanannya cuba melepaskan diri dan nampak sekali imbas buat pertama kali Stesen Tombaugh, iaitu perkampungan di Bulan dan tempat perlindungan yang selamat. Selepas pelajar membaca petikan, terangkan kepada mereka bahawa antara tahun 1969 hingga 1972, 12 orang melawat, menjelajah dan tinggal di Bulan sebagai sebahagian daripada program Apollo NASA. Sejak itu, manusia tidak lagi menjejakkan kaki di Bulan.
2. **PERSEDIAAN:** Bahagikan kelas kepada 11 kumpulan. Tentukan misi Apollo kepada setiap kumpulan (Apollo 7 – 17). Pelajar hendaklah menghasilkan poster yang menerangkan tentang krew, objektif dan kepentingan misi mereka. Pelajar yang mempunyai misi pendaratan di Bulan juga perlu mengenal pasti tapak pendaratan pada peta Bulan.
3. **PERKONGSIAN:** Kumpulan pelajar hendaklah berkongsi poster misi mereka. Tunjukkan poster tersebut. Tali boleh digunakan untuk menyambung poster untuk Apollo 11,12, 14-17 di tapak pendaratan mereka di peta bulan.


**AKTIVITI SUSULAN:**

Aktiviti ini boleh disusuli dengan aktiviti berikut:

1. Pelajar boleh menulis karangan mengenai keadaan hidup yang mungkin di Stesen Fiksyen Tombaugh.
2. Minta pelajar memperhatikan dan melakar Bulan. Mereka hendaklah melabelkan apa-apa bentuk yang dilihat pada bulan.
3. Peta Bulan pada halaman berikutnya boleh digunakan pada Langkah 3 dan untuk pemerhatian pelajar.



## Memerhati Bulan



Tempat	Nama
A	Mare Frigoris (Laut Dingin)
B	Mare Imbrium (Laut Pancuran)
C	Mare Serentatis (Laut Ketenangan)
D	Oceanus Procellarum (Lautan Ribut)
E	Mare Vaporum (Laut Wap)
F	Mare Tranquillitatis (Laut Ketenteraman)
G	Mare Crisium (Laut Krisis)
H	Mare Nubium (Laut Awan)
I	Mare Nectaris (Laut Nektar)
J	Mare Fecunditatis (Laut Kesuburan)
K	Mare Humorium (Laut Lembapan)

## Pelajaran Sains 5: Reka Bentuk Sut Angkasa Lepas: Kepelbagaian Sistem Suria

**PETIKAN NOVEL:** Halaman 101 (The outer door opened and I had my first view of Pluto.) hingga Halaman 102 ("Come!" I heard it through my helmet.)

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG:** Dalam petikan ini, sekutu Wormface telah membawa Kip, Pewee dan Mother Thing ke pangkalan rahsia mereka di Pluto. Petikan menghuraikan perjalanan Kip di permukaan Pluto dari kapal angkasa ke pangkalan. Dalam aktiviti ini, pelajar akan bekerja dalam kumpulan kecil untuk mengkaji planet tertentu. Kumpulan pelajar akan memilih satu lokasi di planet untuk dilawati, mereka sut angkasa lepas untuk planet dan menjelaskan tentang aktiviti "bersiar-siar" di kawasan mereka.

**TEMPOH PELAJARAN:** Tiga sesi - 50 minit setiap sesi atau satu sesi - sesi 50 minit dan kerja rumah.

### OBJEKTIF:

Pelajar mampu

- Menerangkan contoh kepelbagaian Sistem Suria
- Menjelaskan keadaan teruk yang terdapat di sekurang-kurangnya satu planet.

### BAHAN:

Tiada bahan tertentu yang diperlukan untuk aktiviti ini. Akses internet diperlukan untuk bahagian penyelidikan aktiviti ini.

### PROSEDUR:

1. **PENGENALAN:** Perkenalkan petikan buku dengan menerangkan tentang buku tersebut yang ditulis pada tahun 1950 dan menceritakan keadaan pada masa akan datang. Manusia telah menjajah Bulan dan penerbangan di angkasa menjadi perkara biasa, tetapi memerlukan kos yang tinggi. Kip Russel, pelajar sekolah tinggi, telah diculik oleh "Lanun Angkasa" dan dibawa ke pangkalan mereka di Pluto.
2. **PERSEDIAAN:** Bahagikan kelas kepada tujuh kumpulan. Tentukan planet (selain Bumi dan Pluto) kepada setiap kumpulan. Arahkan pelajar untuk mengkaji planet yang telah ditentukan untuk mereka dan cari maklumat mengenai bentuk permukaan, suhu dan atmosfera planet. Pelajar juga perlu memilih satu lokasi di planet mereka sebagai destinasi untuk "pengembaraan yang sangat mencabar" (Contohnya: Meluncur salji di lereng bersalji di Pluto). Pelajar yang telah ditugaskan untuk ke Gas Gergasi mempunyai pilihan untuk memilih salah satu daripada bulan planet. Untuk lokasi mereka, pelajar perlu:
  - a. Membentuk "helaian maklumat" untuk ciri planet tersebut.
  - b. Mereka sut angkasa lepas dengan ciri khusus yang membolehkan manusia hidup di planet. Pelajar perlu melukis dan menulis penerangan mengenai sut angkasa lepas itu.
  - c. Menulis cerita sepanjang 1-2 halaman tentang pengembaraan yang sangat mencabar di planet mereka.

**PERKONGSIAN:** Kumpulan pelajar hendaklah berkongsi lukisan dan penerangan mereka tentang sut angkasa lepas dengan seluruh kelas. Mereka hendaklah menyokong ciri-ciri sut angkasa lepas mereka dengan menerangkan keadaan di planet.

### AKTIVITI SUSULAN:

Pelajar boleh menghasilkan risalah "Pengembaraan yang Sangat Mencabar" untuk planet yang ditetapkan untuk mereka.

## Pelajaran Sains 6: Membuat Pemerhatian

**PETIKAN NOVEL:** Halaman 45 (I was face up but... to ... He had no expression in his speech)

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG:** Kapal angkasa Kip Russell telah dirampas oleh makhluk angkasa lepas yang sangat besar. Di bahagian novel ini, Kip bertemu Wormface buat pertama kalinya.

Membuat pemerhatian yang tepat dalam sains dan apa-apa subjek memerlukan penggunaan sekurang-kurangnya satu daripada lima deria. Lebih banyak deria digunakan dalam pemerhatian lebih tepat huraian. Ini membolehkan pembaca mendapat gambaran visual yang lebih jelas tentang apa yang diterangkan. Apabila pemerhatian dibuat menggunakan kelima-lima deria, pembaca bukan sahaja mendapat gambaran visual yang lebih jelas, tetapi gambaran menjadi lebih hidup dan sebenar. Ia perlu kerana ia boleh memberi petunjuk tentang pentingnya latar belakang yang digambarkan dan watak yang dibincangkan. Salah satu daripada jalan pintas yang sering diambil oleh manusia dalam penulisan mereka adalah menerangkan sesuatu dengan hanya menggunakan satu deria.

### PROSEDUR:

#### Bahagian Satu:

1. Baca sajak, *The Blind Men and the Elephant*. Ia boleh didapati di laman: <http://www.peacecorps.gov/wws/guides/looking/story22.html>
2. Bincangkan soalan pada lembaran kerja. Anda boleh meminta pelajar melakukannya sendiri, secara berkumpulan atau sebagai perbincangan dalam kelas.

#### Bahagian Dua:

1. Baca petikan dalam buku. Minta pelajar mengenal pasti penerangan yang menggunakan satu daripada lima deria. Mereka perlu mengenal pasti deria mana yang perlu digunakan.
2. Bincangkan soalan pada lembaran kerja.

#### Bahagian Tiga:

Kini, pelajar akan menulis huraian mengenai manusia dengan menggunakan sebanyak mungkin deria yang boleh dalam huraian mereka. Mereka akan menggunakan pandangan Wormface dalam membuat huraian tersebut. Mereka perlu mengambil kira organ deria bagi makhluk seperti Wormface dan bagaimana mereka akan menggunakannya.

MEMBUAT PEMERHATIAN: BAHAN EDARAN UNTUK PELAJAR

### **Bahagian Satu**

Baca puisi *The Blind Men and the Elephant* di:

<http://www.peacecorps.gov/www/guides/looking/story22.html>

#### ***The Blind Men and the Elephant***

1. Apakah deria yang digunakan oleh lelaki buta itu?
2. Apakah kekurangannya jika hanya menggunakan deria ini?
3. Adakah lelaki buta itu mendapat gambaran sebenar tentang gajah? Terangkan.
4. Adakah pembaca mendapat gambaran sebenar tentang gajah daripada keterangan yang diberikan oleh lelaki buta?
5. Bagaimana jika anda menggabungkan semua huraian tentang gajah, bolehkan anda mendapat gambaran sebenar rupa gajah?
6. Apakah yang perlu dilakukan untuk memberi gambaran sebenar gajah kepada pembaca?

Bahagian Dua:

#### ***Have Space Suit Will Travel***

1. Apakah deria yang digunakan oleh penulis Robert Heinlein untuk menggambarkan Wormface?
2. Adakah penggunaan deria memberi kelebihan kepada pembaca untuk menggambarkan Wormface?
3. Adakah anda fikir gambar yang digunakan memberikan petunjuk tentang watak?
4. Bolehkah penulis memberikan huraian yang lebih dengan menggunakan deria dan memberi anda idea yang lebih baik mengenai Wormface?
5. Dalam huraian tentang gajah, pembaca tidak mendapat idea tentang personaliti gajah. Bagaimanakah ini berbeza daripada gambaran yang anda dapat daripada Wormface?

Bahagian Tiga:

#### **Giliran Anda**

Bagaimanakah anda menghuraikan tentang manusia dari sudut pandangan Wormface? Gunakan sebanyak mungkin deria yang boleh apabila menulis huraian anda. Fikirkan mengenai organ yang ada pada Wormface untuk membuat pemerhatian.

## Pelajaran Gaya Bahasa 1: Imej

**PETIKAN NOVEL:** Halaman 45 (I was face up but... to ... He had no expression in his speech)

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG:** Kapal angkasa Kip Russell telah dirampas oleh makhluk angkasa lepas yang sangat besar. Di bahagian novel ini, Kip bertemu Wormface buat pertama kalinya.

**TEMPOH PELAJARAN:** 1-3 sesi, 50 minit setiap sesi.

### OBJEKTIF:

Pelajar mampu

- Mengenal pasti dan mengecam imejan dan istilah yang dikaitkan dengan imejan
- Mencari dan membincangkan contoh imejan dalam petikan bertulis
- Mencipta imej mereka sendiri dalam petikan bertulis

**Istilah Imej:** Bahasa yang digunakan untuk mewujudkan kesan tertentu, untuk menjadikan maknanya lebih jelas, atau untuk mencipta sesuatu imej. Lihat contoh dalam **Bahan Edaran Untuk Pelajar**.

### PROSEDUR:

1. Bincangkan dengan pelajar istilah yang disenaraikan dalam **Bahan Edaran Untuk Pelajar**. Semak takrif; lihat contoh dan bincangkan kesan yang diwujudkan ke atas pembaca.
2. Minta pelajar membuat beberapa istilah mereka sendiri, dan pastikan klise tidak digunakan.
3. Minta pelajar membaca petikan tersebut dan kenal pasti imej dalam petikan serta jenisnya. Tugas ini boleh dibuat secara berkumpulan atau perseorangan.
4. Adakan perbincangan dalam kelas tentang penemuan mereka dan keberkesanan imej tersebut dalam fikiran pembaca. Bagaimanakah istilah dapat membantu mewujudkan imej atau menjelaskan makna kepada pembaca?

### AKTIVITI SUSULAN:

Aktiviti ini boleh disusuli dengan aktiviti berikut:

1. Minta pelajar melukis imej tersebut. Kemudian minta pelajar berkongsi imej masing-masing dengan membincangkan fakta manakah daripada teks dan yang mana daripada imaginasi mereka sendiri. Apakah butiran yang ditinggalkan? Adakah ia perkara baik atau buruk untuk memberikan ruang kepada pembaca untuk berimajinasi?
2. Arahkan pelajar menulis gambaran tentang salah seorang rakan mereka dengan menggunakan bahasa kiasan dalam penulisan mereka.
3. Arahkan pelajar menulis gambaran tentang salah satu watak dalam novel itu.

### PEMANTAPAN/ LANJUTAN:

Teruskan ke Pelajaran 2.

### JAWAPAN YANG MUNGKIN:

**PERUMPAMAAN:** "...with feet...which bulged out, almost disc-like."

"His movements were blurringly fast, like a striking snake."

"His arms looked like snakes."

"...the mouth was rimmed with cilia as long as angleworms."

"They scanned like radar,..."

"He pinned me down like a beetle."

**METAFORA:** "When he stood still a tail, or third leg, extruded....and turned him into a tripod."

**ONOMATOPIA:** "...squashy, sucking sounds..."  
"...his dentals had a clucking quality."

**PERSONIFIKASI:** "...my skin will crawl..."

**ANALOGI:** "...he dominates us the way a man dominates a horse."

**HIPERBOLA:** "...my skin will crawl..." **ALITERASI:**

"...squashy, sucking sounds..." **KLISE:** Ini adalah penerang terbaharu.

**PERINCIAN:** "...he wasn't human..."  
"...built more like a human than an elephant..."  
"...stood erect..."  
"...feet at one end and a head at the other..."  
"...five feet tall..."  
"...short legs did not make him slow..."  
"...they had more joints than ours."  
"He had two sets...in place of money and keys."  
"His skin was purplish brown..."  
"...not the same race as Mother Thing."

IMEJAN: BAHAN EDARAN UNTUK PELAJAR

**Imejan**—himpunan imej dalam karya sastera melalui penggunaan bahasa deskriptif untuk mencipta semula pengalaman deria, menetapkan nada, mencadangkan perasaan, atau membimbing tindak balas pembaca.

**Imejan Deria**—imej yang terdapat dalam penulisan untuk menarik salah satu daripada lima deria pembaca: penglihatan, rasa, hidu, pendengaran dan sentuhan.

CONTOH:

- Her yellow chiffon dress twirled and swirled about her.
- The chocolaty warmth of the doughnut melted in my mouth.
- A foul, smoky odor filled the garage.
- The clawing of her nails across the board made the hair on the back of my neck stand up.
- The rough fingers on his hand raked across my arm

CONTOH PELAJAR:

**Bahasa Kiasan**—penulisan atau pertuturan yang tidak ditafsirkan secara harfiah.

CONTOH PELAJAR:

**Perumpamaan**—Perumpamaan ialah perbandingan tidak langsung antara dua objek atau lebih menggunakan perkataan *like* atau *as*.

CONTOH:

- Her dress is as yellow as butter.
- She crawled like a baby on-the-run away from the fire.

CONTOH PELAJAR:

**Metafora**—Metafora ialah perbandingan langsung antara dua objek atau lebih.

CONTOH:

- My mom is being a bear.
- My mom growled as I walked in the door as she scraped her claws across the kitchen counter.

CONTOH PELAJAR:

**Onomatopia**—Perkataan yang menggunakan bunyi untuk menggambarkan maknanya.

CONTOH:

- Buzz
- Hiss
- Whirr
- Sizzle

CONTOH PELAJAR:

**Personifikasi**—Ungkapan yang memberikan haiwan, idea, pengabstrakan dan objek tidak bernyawa sifat seakan-akan manusia.

CONTOH:

- The light danced across the floor.
- The tree reached for the stars.

CONTOH PELAJAR:

**Analogi**—Perbandingan antara sesuatu yang tidak diketahui dengan sesuatu yang telah diketahui.

CONTOH:

- The children followed the crossing guard just like baby ducks waddling after their mother.

CONTOH PELAJAR:

**Hiperbola**—Penokoktambahan untuk mewujudkan suatu kesan atau untuk menimbulkan kelucuan.

CONTOH:

- She sounded like a hyena.
- Her nose is a Toucan's beak.
- The pain was a knife on my side.

CONTOH PELAJAR:

**Aliterasi**—Pengulangan bunyi konsonan awal pada konsonan berikutnya untuk mewujudkan suatu kesan.

CONTOH:

- The long, slithery snake slid into the hole.
- The cat crept clumsily into her crate.

CONTOH PELAJAR:

**Klise**—Ungkapan yang kerap digunakan yang telah hilang keaslian dan keberkesannya.

CONTOH:

- Her eyes are sparkling like diamonds.
- She's as fat as a hippotamus
- He's as tall as a giraffe

CONTOH PELAJAR:

**Perincian**—Berikan maklumat terperinci untuk membantu menjelaskan imej. Maklumat ini biasanya dalam bentuk kata sifat, kata kerja yang jelas dan kata nama khusus. Perincian sering menjelaskan dengan menambah butiran warna, saiz, bentuk, masa, tempat, nombor, jumlah, tindakan dan lain-lain.

CONTOH PELAJAR:



## Pelajaran Gaya Bahasa 2: Penulisan Deskriptif: Ulang Kaji Pelajaran

**TEMPOH PELAJARAN:** 2-3 sesi, 50 minit setiap sesi

**PETIKAN NOVEL:** Halaman 45 (I was face up but... to ... He had no expression in his speech)

**MAKLUMAT LATAR BELAKANG:** Kapal angkasa Kip Russell telah dirampas oleh makhluk angkasa lepas yang sangat besar. Di bahagian novel ini, Kip bertemu Wormface buat pertama kalinya.

**OBJEKTIF:**

Pelajar mampu

- Mencipta raksasa yang serupa dengan Wormface
- Menulis perenggan deskriptif dengan mencontohi petikan dalam novel tersebut
- Mengenal pasti strategi semakan yang berbeza untuk digunakan semasa proses penulisan
- Menyemak karangan masing-masing menggunakan strategi semakan ini
- Menulis semula karangan masing-masing

**PROSEDUR:**

**Bahagian Pertama:**

1. Minta pelajar membaca petikan tersebut. Beritahu pelajar bahawa penulis mewujudkan imej dalam fikiran pembaca melalui diksinya (pemilihan kata).
2. Bincangkan imej yang diwujudkan melalui perincian, imejan deria dan bahasa kiasan.
3. Tentukan keputusan kelas sama ada penulis membuat penulisan yang baik atau buruk. (Lihat pelajaran 1).
4. Minta pelajar melukis raksasa yang dicipta dengan hanya menggunakan bentuk geometri. Mereka mesti mewarnakan raksasa itu. **TEKANKAN BAHAWA MEREKA HENDAKLAH MENGHALANG PELAJAR LAIN DARIPADA MELIHAT RAKSASA MEREKA.**
5. Minta pelajar menulis gambaran dengan mencontohi gaya Robert Heinlein menggunakan perincian, imejan deria dan bahasa kiasan. Minta mereka menamai raksasa mereka. Jangan benarkan mereka menulis nama sendiri di atas karangan ini.
6. Kutip tugas tersebut.

**Bahagian Kedua:**

1. Berikan setiap pelajar penulisan deskriptif pelajar lain. Elakkan mereka daripada melihat lukisan tersebut.
